

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan

Menurut Heah (1989), kajian pinjaman linguistik sebenarnya tergolong dalam bidang kajian pertembungan bahasa. Peminjaman kosa kata biasanya berlaku apabila ada pertembungan bahasa. Peminjaman kosa kata berlaku kerana perhubungan antara pengguna bahasa yang berbeza menyebabkan bahasa-bahasa itu saling mempengaruhi satu sama lain. Hasil daripada pertembungan bahasa, sesuatu bahasa akan mengalami perubahan, pencampuran (pijin dan kreol) atau pupus. Perubahan bahasa merupakan hasil pertembungan bahasa yang berlaku secara umum. Dalam keadaan biasa, sesuatu bahasa sekurang-kurangnya dipengaruhi oleh satu bahasa lain. Menurut Varatharasan (1969:99), bahasa meminjam tidak perlu bayar apa-apa dan bahasa peminjam tidak kehilangan apa-apa. Di sini peminjaman bermakna *imitation* (Jespersen, Otto. 1922:208).

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan konsep-konsep asas mengenai perubahan bahasa, pemindahan bahasa, peminjaman leksis, proses pemindahan leksis, kajian kata-kata pinjaman secara umum iaitu kajian-kajian yang telah dilakukan oleh linguis dan penyelidik dalam dan luar negeri, pengelasan pemindahan leksis dan faktor-faktor serta kesan pemindahan leksis.

#### 2.1 Konsep Perubahan Bahasa

Pemikiran dan sosiobudaya sesuatu masyarakat sentiasa berkembang dan begitu juga dengan bahasa. Ahli-ahli bahasa mengatakan bahawa bahasa sentiasa berubah, ia

adalah sesuatu yang tidak dapat disekat. Maka bahasa tidak akan sentiasa berada dalam keadaan yang stabil (Karunakaran, K. 1975).

Bahasa adalah media yang digunakan untuk menyampaikan atau meluahkan fikiran manusia (Kanthasamy, N. 2006:117). Mengikut *Kamus Lingusitik* (1997:189), perubahan bahasa merupakan suatu proses pengubahsuaian atau penggantian ciri-ciri sesuatu bahasa disebabkan pengaruh luar atau proses dalaman. Perubahan bahasa meliputi perubahan dari segi fonem, morfem, sintaksis dan semantik.

Menurut Yule (1996:217-223), perubahan bahasa Inggeris berlaku dalam beberapa aspek iaitu:

a. Perubahan bunyi

Perubahan bunyi berlaku dari segi vokal dan konsonan.

b. Perubahan sintaksis

Perubahan ini berlaku dari segi struktur ayat iaitu urutan perkataan.

c. Perubahan leksis

Perubahan leksis yang paling ketara ialah leksis-leksis yang wujud adalah amat berbeza daripada leksis-leksis yang sedia ada dalam sesuatu bahasa. Perubahan ini boleh berlaku dengan meminjam leksis-leksis daripada sesuatu bahasa yang lain. Selain itu, leksis-leksis yang berkaitan dengan aktiviti kehidupan yang tidak lagi dipraktikkan oleh masyarakat akan dipinggirkan atau diabaikan serta tidak lagi digunakan oleh pengguna bahasa.

Perubahan leksis bukan sahaja berlaku setakat penggunaan leksis malah berlaku juga dari segi makna leksis. Ada makna leksis diperluaskan dan ada juga makna leksis disempitkan.

Keller (1994:9-18), berpendapat bahawa penutur (pengguna) asal bahasa itu memainkan peranan penting dalam mengubah bahasanya. Perubahan ini berlaku tanpa disedari oleh penutur tersebut. Walaupun penutur asal tidak merancang untuk mengubah bahasanya, tetapi perubahan berlaku dengan tidak sengaja.

Akmajian, Demers, Farmer dan Harnish (1995: 326-329) telah memberikan dua aspek berlakunya perubahan bahasa:

a. Perubahan individu

Setiap pengguna bahasa berpotensi mengubah bahasa. Sebagai contohnya proses pemudahan tatabahasa yang berlaku secara spontan pada kebiasaannya dilakukan oleh orang dewasa. Walaupun orang dewasa yang merupakan sumber perubahan bahasa membawa kesan yang ketara kepada kanak-kanak semasa peringkat pemerolehan bahasa, tetapi bahasa yang diperoleh kanak-kanak berkenaan tidak akan sama jika berbanding dengan bahasa yang digunakan oleh ibu bapanya.

#### b. Perubahan komuniti

Perubahan ini berlaku di suatu kawasan tertentu mengikut perkembangan dan peredaran masa serta ruang yang diduduki sesuatu komuniti penutur.

Unsur perubahan disebarkan melalui komuniti berkenaan.

### **2.2 Konsep Pertembungan dan Pemindahan Bahasa**

Pembentukan lexis baru boleh dilakukan melalui dua aspek iaitu secara dalaman dan luaran. Inovasi leksikal atau pembentukan lexis secara dalaman melibatkan proses penciptaan, pembentukan perkataan inheren dan perubahan atau perluasan semantik. Proses-proses ini merupakan pembentukan lexis yang produktif. Manakala peminjaman merupakan proses pembentukan lexis luaran akibat berlakunya pertembungan bahasa. Thomason, Sarah G. (2000), membahagikan pertembungan bahasa kepada fenomena yang membawa kesan linguistik kepada bahasa asal sesuatu masyarakat apabila dipengaruhi masyarakat lain, ataupun fenomena yang mempunyai kesan linguistik terhadap pemerolehan bahasa.

Menurut Weinreich (1970:5), pertembungan dibahagi kepada pertembungan bahasa dan pertembungan budaya. Ada ahli-ahli antropologi menggabungkan pertembungan bahasa sebagai sebahagian daripada pertembungan budaya. Peminjaman merupakan salah satu jenis penyerapan budaya (Sapir dalam Heah, 1989:12). Hal ini adalah kerana bahasa adalah salah satu unsur budaya yang boleh disebarkan oleh seseorang kepada orang lain.

Mengikuti Thomason, Sarah, G. (2000:1), pertembungan bahasa adalah penggunaan lebih daripada satu bahasa di tempat yang sama pada masa yang sama. Keadaan ini melibatkan interaksi bersemuka antara sekumpulan penutur. Kesan yang paling umum dalam pertembungan bahasa ialah berlakunya perubahan bahasa yang disebabkan oleh peminjaman lexis (kesan yang lain ialah campuran bahasa yang ekstrem menghasilkan pijin, kreol dan campuran bilingual), pengalihan bahasa dan kematian bahasa. Dengan kata lain, apabila dua sistem bahasa bertemu, akan berlakunya proses pemindahan dan peminjaman.

Penggunaan lebih daripada satu bahasa secara bersilang akan menyebabkan berlakunya penyimpangan daripada kebiasaan penggunaan kedua-dua bahasa tersebut yang disebabkan oleh gangguan (Weinreich, 1970:1). Weinreich adalah orang yang pertama membezakan **peminjaman** dengan **gangguan**. Menurut beliau **peminjaman** adalah **gangguan pada bahasa** manakala **gangguan** adalah **gangguan pada pertuturan** (Weinreich dalam Heah, 1989:13).

Gangguan bahasa menandakan menyusun semula pola-pola baru dari elemen asing ke dalam struktur bahasa domain seperti fonologi, morfologi, sintesis dan juga lexis. Hal ini merupakan pemindahan bahasa.

Kamus Linguistik (1997) mendefinisikan pemindahan bahasa sebagai proses membawa masuk bentuk tatabahasa asing ke dalam bahasa sumber. Pemindahan bahasa juga merupakan proses atau hasil menukarkan lambang bunyi kepada bentuk lain.

Menurut Thomason, Sarah, G. (2000: 93-94), sekiranya pemindahan berlaku, bahasa sumber harus mempunyai perhubungan pertembungan intim dengan bahasa menerima. Ini adalah seperti mana Bloomfield yang membahagikan peminjaman kepada peminjaman budaya, peminjaman intim, dan peminjaman dialek (Heah, 1989:13).

Hasilan yang berlainan akan berlaku sekiranya tahap pertembungan bahasa yang berlainan berlaku. Dalam keadaan yang mana unsur-unsur tertentu daripada kedua-dua bahasa diguna pakai, mungkin hanya unsur daripada satu bahasa sahaja akan berkekalan dan unsur yang sedia ada dalam sesuatu bahasa yang meminjam mungkin akan mati.

### **2.3 Konsep Peminjaman Leksis**

Peminjaman leksis adalah penerimaan unsur-unsur daripada satu bahasa atau dialek melalui pertembungan dan peniruan. Peminjaman leksis boleh dibahagi kepada pinjaman terjemah, pinjaman ubah dan pinjaman dialek (Kamus Linguistik, 1997:177).

Pertembungan bahasa dianggap oleh ahli-ahli antropologi sebagai satu aspek pertembungan budaya manakala peminjaman dianggap sebagai contoh penyebaran budaya iaitu dari seorang kepada seorang yang lain. Pandangan ini diterima oleh kebanyakan ahli linguistik dalam bidang ini termasuk Sapir (1921:192) dan Haugen (1953:363).

Sapir (1921:193), mengatakan bahawa jenis pengaruh yang mudah dilakukan keatas bahasa lain ialah melalui **peminjaman kosa kata**. Apabila berlaku peminjaman budaya, kemungkinannya perkataan yang berkaitan juga dipinjam:

*“The simplest kind of influence that one language may exert on another is the “borrowing” of words. When there is cultural borrowing these is always the likelihood that the associated words may be borrowed too”.*

(Sapir,1921:193)

Haugen (1953:363), merupakan ahli linguistik yang berminat terhadap penyelidikan bentuk peminjaman bahasa dan beliau menggunakan istilah *linguistic diffusion* atau **peresapan bahasa** untuk peminjaman. Haugen (1972:81), mendefinisikan peminjaman sebagai *“the attempted reproduction in one language of patterns previously found in another”*. Kajian peminjaman linguistik termasuk dalam bidang pertembungan bahasa (Haugen, 1958:772). Heah (1989:12), berpendapat bahawa definisi ini merupakan difinisi yang diterima umum. Heah (1989:8), pula mendefinisikan peminjaman sebagai **proses pengambilan dan penggunaan unsur-unsur daripada satu bahasa ke dalam konteks bahasa yang lain**.

Hock (1986:321), memberi pandangan bahawa sesuatu bahasa dan dialek tidak wujud dalam vakum. Walaupun bahasa dan dialek selalu bertembung dengan bahasa atau dialek lain tetapi terdapat perbezaan darjah pertembungan. Hasil yang paling biasa didapati dalam pertembungan bahasa ialah peminjaman leksikal.

*“Languages and dialects, however, do not exist in a vacuum. There always are at least some contacts with other languages or dialects. It is only the digree of that contact which may differ from language to language or dialect to dialect. A very common result of linguistic contact is vocabulary or lexical borrowing”.*

(Hock, 1986:321)

Peminjaman adalah keadaan unsur-unsur bahasa asing sudah menjadi sebahagian tetap dalam bahasa peminjam (bahasa sasaran). Harimurti (1982:123), mendefinisikan peminjaman itu sebagai **pemasukan unsur fonologi dan leksikal dari bahasa atau dialek lain kerana kontak atau peniruan; hasil proses itu disebut peminjaman.**

Weinreich (1970:47-53) membahagikan peminjaman leksis kepada:

a. **Peminjaman kata-kata tunggal**

Peminjaman ini melibatkan pengalihan urutan fonem dari satu bahasa ke bahasa lain. Contohnya *holy smoke* yang dipinjam dari bahasa Jerman *holiřmok* dibentuk dengan peminjaman bunyi secara sepenuhnya. Peminjaman kata tunggal juga melibatkan perluasan semantik perkataan.

b. **Peminjaman kata majmuk dan frasa**

Peminjaman ini dibahagi kepada tiga sub-kategori:

i. Pengalihan unsur-unsur majmuk dan frasa bersesuaian dengan pembentukan kata atau pola sintaksis bahasa penerima. Contohnya bahasa Spanish Florida telah meminjam frasa *conscientious objectors* dan membentuk frasa *objetores concientes* untuk memenuhi peraturan sintaksis bahasa tersebut.

ii. Penghasilan semula kata-kata asal membentuk kata majmuk, frasa ataupun peribahasa. Proses ini juga dikenali sebagai pinjaman penterjemahan. Contohnya '*es gebbt rejje*' dari bahasa Jerman yang



membawa makna '*it gives rain*' telah dipinjam ke dalam bahasa Inggeris dengan penterjemahan makna menjadi '*it is going to rain*'.

iii. Pengalihan sebahagian dan penghasilan semula bahagian yang berikut. Ini merupakan pemajmukan hibrid. Contohnya, '*Kap-stad*' dari bahasa Afrika telah dipinjam ke dalam bahasa Inggeris menjadi '*Cape-town*'. '*Cape*' merupakan penterjemahan bunyi dan '*town*' dari bahasa Inggeris yang dihibridkan.

Lehmann (1992:264), berpendapat pinjaman merupakan satu proses yang akan menyebabkan komponen semantik sesuatu bahasa dipengaruhi oleh bahasa atau dialek lain.

Peminjaman kosa kata daripada bahasa lain merupakan satu sumber penting untuk mendapat perkataan baru dalam bahasa peminjam. Menurut Fromkin (2007:474), **pinjaman** berlaku apabila sesuatu bahasa menambah perkataan atau morfem daripada bahasa lain ke leksikon bahasa sendiri. Sebutan item pinjaman selalunya diubahsuai supaya mematuhi sistem pembunyian bahasa peminjam (bahasa sasaran).

Radford (2005: 256) berpendapat kata pinjaman ialah perkataan yang digunakan oleh penutur yang tidak menuturkan bahasa yang dipinjam itu. Kata pinjaman itu sering diasimilasikan kepada struktur fonologi dan morfologi bahasa yang **meminjam**.

Menurut Hartmann R.R.K & F.C. Stork. (1972), pinjaman kata dalam sesuatu bahasa berlaku kerana pertembungan antara aneka penutur bahasa yang saling mempengaruhi penutur bahasa yang lain.

*“the influence of different languages upon each other due to frequent meeting between their speakers. Linguistic contact is characterised by bilingualism, borrowing and linguistic change, caused by direct learning, translation and deliberate language teaching. Sometimes mixing of different language forms may create creole or pidgin languages”.*

(Hartmann R.R.K & F.C. Stork, 1972:52)

Menurut Karunakaran, K. (1975), peminjaman kata berlaku semasa pertembungan bahasa di antara dua penutur asli yang berlainan bahasa. Misalnya, jika diteliti dalam kalangan masyarakat India Selatan, seseorang penutur yang tidak berpendidikan Inggeris dan hanya menutur bahasa Tamil sahaja (monolingual) dapat menggunakan kata-kata pinjaman dari bahasa Inggeris dalam pertuturannya. Pinjaman ini telah berlaku secara turun-temurun sejak penjajah British menakluki India dan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pemerintah. Sama ada penutur itu sedar atau tidak, keadaan ini tidak dapat dielakkan dalam masyarakat berbilang bangsa dan budaya.

### **2.3.1 Pinjaman mengikut ‘Substratum Theory’**

Menurut Teori Substratum (*Substratum Theory*), apabila golongan imigran tiba di sesuatu kawasan baru, atau apabila penduduk asli mempelajari bahasa penjajah, mereka akan mempelajari bahasa baru secara tidak sempurna.

*“Substratum theory, the suggestion that when immigrants come to a new area, or when an indigenous population learns the language of newly arrived conquerors, they learn their adopted language imperfectly”.*

(Aitchison, 2001:140)

Darjat pinjaman berdasarkan aspek-aspek linguistik dapat disimpulkan mengikut jenis ‘*substratum*’ dan ‘*borrowing*’ seperti Jadual berikut:

**Jadual 2.1: Intensiti Pinjaman**

<i>Substratum Influence</i>	<i>Aspects</i>	<i>Borrowing</i>
***	<i>Sounds</i>	*
***	<i>Syntax</i>	*
*	<i>Vocabulary</i>	***

\*: Intensiti Pinjaman

(Sumber: Aitchison, 2001:141)

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1, pengaruh **perbendaharaan kata** lebih ketara bagi pinjaman (*borrowing*), sebaliknya pengaruh **bunyi** (*sounds*) lebih jelas bagi jenis ‘*substratum influence*’.

#### 2.4 Proses Pemindahan Leksis

Menurut Thomason, Sarah G. (2000), pemindahan leksis berlaku apabila pertembungan bahasa (*language contact*) berlaku dalam sebuah masyarakat yang bertutur lebih daripada sejenis bahasa. Proses pemindahan leksis dari satu bahasa ke bahasa lain berlaku berdasarkan keupayaan persaingan antara bahasa-bahasa yang bertembung. Proses tersebut dikenali sebagai **metabolisme bahasa** dalam linguistik moden. Ia berlaku bersesuaian dengan keperluan komunikasi sesebuah masyarakat.

Selain daripada pakar-pakar bahasa luar negara yang menyumbang kepada kajian leksis pemindahan (peminjaman), terdapat juga banyak kajian yang pernah dilakukan mengenai pinjaman leksis oleh pengkaji di Malaysia.

Peminjaman dan pemindahan dalam kajian ini merujuk kepada proses pengambilan dan penggunaan unsur-unsur daripada satu bahasa, iaitu bahasa Inggeris (dalam konteks yang lain), ke dalam bahasa yang satu lagi, iaitu bahasa Tamil.

## **2.5 Kajian Mengenai Kata-kata Pinjaman Secara Umum**

Seterusnya pengkaji akan meninjau kajian-kajian lain yang pernah dilakukan mengenai pemindahan leksis.

### **2.5.1 Kajian pemindahan (Peminjaman) Leksis dalam Bahasa Tamil**

Maniyarasan, M. (2007), yang telah mengkaji kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Tamil di Malaysia sebagai satu kajian semantik dalam antologi cerpen *Peravaki Kataikal* (1986-2004), mendapati banyak perkataan yang dipinjam dari bahasa Melayu mengekalkan makna asalnya. Masyarakat India di Malaysia hanya melakukan perubahan dari aspek fonologi pada kata-kata Melayu yang dipinjam. Mereka mengubahsuaikan perkataan-perkataan tersebut mengikut sistem bunyi bahasa Tamil, iaitu melalui proses *nativisation* ataupun proses pengaslian.

Menurut Mohana Dass, R. (2006:183), walaupun bahasa Tamil diutamakan dalam penyiaran radio Malaysia enam, dalam keadaan-keadaan tertentu tidak dapat mengelakkan penggunaan kata-kata asing oleh juruhebah radio enam semasa

mengudarakan rancangan mereka. Menurut Mohana Dass, R. (2006:187), penggunaan kata-kata asing adalah disebabkan keperluan yang timbul dalam bidang berkenaan. Mengikutnya lagi ini adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan untuk memudahkan penyampaian mesej oleh pengacara. Penggunaan banyak kata-kata asing dapat didengar dalam iklan yang disiarkan melalui radio dan juga melalui perbualan juruhebah. Menurut beliau, beberapa kata asing seperti nama-nama tempat tidak dibunyikan mengikut sistem fonologi bahasa Tamil. Misalnya: *குவாலாஜும்பூர்* (Kuala Lumpur), *எமெரிக்கா* (Amerika) dan *பிளெனங்* (Penang) disebutkan mengikut sistem bunyi bahasa Inggeris atau bahasa Melayu.

Balasubramaniam, P. (1987), menerangkan bahawa pertembungan antara bahasa Melayu dan bahasa Tamil telah mengakibatkan adaptasi fonem Melayu ke dalam bahasa Tamil melalui proses yang disebut substitusi fonetik. Banyak kata-kata yang telah dipinjam dari bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil, telah dibahasatamilkan ataupun diaslikan dari segi sebutan sehingga dikenali sebagai bahasa Tamil Malaysia. Kata-kata ini sudah pasti tidak terdapat dalam bahasa Tamil yang dituturkan di Tamil Nadu ataupun di negara-negara lain.

Balasubramaniam, P. (1992), juga telah mengkaji kata-kata pinjaman dalam majalah mingguan *ju:niyar vikatan* keluaran Tamil Nadu, India. Menurut beliau, sebahagian nama majalah itu sendiri iaitu *ju:niyar (junior)* merupakan kata pinjaman bahasa Inggeris. Sebanyak 25 terbitan telah dikaji dalam tempoh masa lapan bulan iaitu dari march 1990 hingga oktober 1990. Hanya aspek penyesuaian morfologi dan semantik bahasa Inggeris ke dalam bahasa Tamil telah dianalisis. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa kata-kata pinjaman menunjukkan darjah kesesuaian yang

tinggi dan lebih fleksibel ketika diguna pakai dalam bahasa Tamil untuk menyatakan sesuatu dengan khusus.

Ennasi (1976:227), menerangkan bahawa kata-kata dari bahasa Sankrit telah banyak digunakan dalam bahasa Tamil sejak zaman *Tolka:ppiyar*

Misalnya:

1. Dalam *sanggappadalgal* - *Uruthiran, Sonai* - nama-nama Sankrit.  
- *sa: vagar, sa: ranar* - kata-kata Sankrit
2. Dalam '*Manimegalai*' - *karumam, na: gar*

Menurut Ennasi (1976:227), selepas zaman *Tolka:ppiyar*, wujud gaya bahasa pertuturan *manippirav:lam*, yang mana bahasa Tamil terlalu banyak bertembung dengan kata-kata Sankrit. Menurut Ennasi terdapat juga kata pinjaman bahasa asing dalam bahasa Tamil.

Misalnya:

1. *pinggan* (plate) - dari bahasa Cina
2. *o:rai* (hour) - dari bahasa Greek
3. *u:thar* - dari bahasa Ibru
4. *manila:* - dari bahasa Melayu

### **2.5.2 Kajian Pemindahan (Peminjaman) Leksis Tamil ke dalam bahasa Asing**

Menurut Venkadasamy (1955:55), terdapat kata-kata pinjaman bahasa Tamil dalam bahasa lain, misalnya perkataan bahasa Tamil அரிசி (beras), dan இஞ்சிவேர் (akar halia) digunakan dalam bahasa Greek dan Latin. Selain itu, kata-kata pinjaman bahasa Tamil banyak terdapat dalam bahasa Inggeris seperti, கறி (curry), கூலி (cooly) dan வெற்றிலை (beette leaf).

### **2.5.3 Kajian Pemindahan (Peminjaman) Leksis dalam Bahasa Melayu**

Keok (2000), pula mengkaji kata pinjaman bahasa Cina dalam Kamus Dewan (bahasa Melayu) dari segi semantik. Keok mendapati bahawa kebanyakan kata pinjaman konkrit bahasa Cina dalam bahasa Melayu masih mengekalkan makna asal dan hanya sebilangan kecil mengalami perubahan makna. Selain itu, majoriti daripada kata pinjaman konkrit berasal dari dialek Hokkien dan yang lain berasal dari dialek Hakka dan Kantonis. Kata pinjaman konkrit biasanya terdiri daripada dua patah perkataan dalam bahasa Cina yang dicantumkan menjadi satu patah perkataan konkrit. Contohnya 'a moi' dari dialek Hakka menjadi amoi dalam bahasa Melayu. Seseengah ejaan dan sebutan kata pinjaman konkrit didapati kurang tepat jika dibandingkan dengan ejaan asalnya dalam bahasa Cina. Contohnya 'cheng beng' dari dialek Hokkien menjadi cembeng dalam bahasa Melayu. Hasil kajiannya juga menunjukkan sebahagian besar daripada kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu merupakan kata nama. Sementara sebahagian kecilnya ialah kata ganti nama diri, kata ganti tanya, kata kerja dan kata sifat.

Mashudi Kader dan Yeong Ah Lok (1989:236-267), telah mengkaji kata-kata pinjaman ke dalam bahasa Melayu dari bahasa Cina untuk mendapatkan sedikit

penemuan tentang tingkah laku kata-kata pinjaman. Skop kajiannya meliputi bidang fonologi, morfologi dan semantik. Data dikumpulkan dari dialek-dialek bahasa Cina di Malaysia. Walau bagaimanapun, sebahagian besar data merupakan data daripada dialek Amoy yang berasal dari daerah Fujian. Kata-kata yang dikaji dalam kajian ini adalah daripada data sekunder iaitu daripada kamus-kamus utama. Sebanyak 341 patah kata dikumpulkan dan dikelaskan menurut kekerapan penggunaannya. Didapati 90 patah perkataan aktif digunakan. Soal selidik ditadbirkan pada 20 orang penutur bahasa Melayu di Pulau Pinang. Dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat sedikit perubahan fonologi, morfologi, dan semantik.

Kajian Nathesan, S. (1996: 1112-1126), meneliti kata-kata bahasa Melayu yang dipinjam dari bahasa Tamil dari aspek makna atau semantik. Kajiannya terbatas kepada 30 patah perkataan sahaja. Daripada 30 patah kata tersebut hanya 10 patah kata pinjaman sahaja dianalisis maknanya dengan menggunakan kaedah analisis kompenensial. Dapatan kajiannya menunjukkan sebahagian besar kata pinjaman bahasa Tamil dalam bahasa Melayu tidak kurang mengalami kesempitan, perluasan dan tambahan makna. Kata-kata bahasa Tamil yang dipinjam telah sebatu dalam bahasa Melayu sehingga bahasa Melayu menganggap kata-kata tersebut sebagai kata tulen bahasa Melayu.

Nathesan, S. (1994: 1097-1117), memperlihatkan pengaruh dan pertalian bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa sukuan dari aspek kosa katanya. Satu senarai daftar kata bahasa Melayu disediakan. Kemudian kesemua kata itu dirujuk kepada penutur bahasa berkenaan untuk mendapatkan pengesahan. Empat bahasa peribumi yang utama dipilih untuk teliti tentang pengaruh bahasa Melayu dari aspek kosa katanya. Kosa katanya dibahagikan kepada kategori-kategori tertentu. Terbukti



dalam kajiannya bahawa bahasa Melayu telah menampakkan kesannya terhadap kebanyakan bahasa Bumiputra di Sabah khususnya dalam aspek kosa kata. Terdapat perkataan yang tidak mengalami perubahan bunyi dan terdapat juga perkataan yang mengalami perubahan bunyi yang bersesuaian dengan sistem bunyi dalam bahasa Bumiputra Sabah.

Zhi, Kong Yuan. (1997: 800-805), mendapati terdapat 1046 kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu. Kata-kata daripada dialek Fujian Selatan merupakan 91% daripada jumlah kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu. Pengkaji hanya memberi daftar penduduk Cina mengikut kaum dan tempat asalnya dikaitkan dengan sebab-sebab pengaruh dialek-dialek Cina ke atas bahasa Melayu. Didapati dialek Fujian Selatan jauh lebih banyak dalam bahasa Melayu daripada yang berasal daripada dialek Cina lainnya.

Heah (1989), merupakan ahli linguistik tempatan yang melakukan kajian ke atas pengaruh lexis Inggeris ke atas pengembangan bahasa Melayu dari segi fonologi, morfologi, semantik dan sosiologi. Beliau meninjau peluasan leksikal melalui tiga proses, iaitu pengimportan, penggantian dan perekaan natif.

#### **2.5.4 Kajian pemindahan (Peminjaman) Lexis dalam Bahasa Inggeris**

Amat Juhari Moain (1983: 624-632), mengatakan dua orang ahli bahasa Inggeris iaitu Victoria Fromkin dan Robert Rodman mengatakan tiga perlima atau 12,000 patah perkataan daripada 20,000 patah perkataan dalam bahasa Inggeris adalah kata pinjaman. Victoria Fromkin dan Robert Rodman menjalankan kajiannya dengan mengumpul perkataan berimbuhan awalan dan akhiran yang bermula dengan abjad

/a/ secara sambil lalu dari ‘websters’ *New Twentieth Century Dictionary*’ dan didapati perkataan-perkataan itu dipinjam dari berbagai-bagai bahasa terutamanya daripada bahasa Latin dan Yunani.

### **2.5.5 Kajian Pemindahan (Peminjaman) Leksis dalam Bahasa Cina**

Chen Chun Ping (2006), berfokus pada leksis pinjaman dalam bahasa Cina yang berhuruf Inggeris. Kajian ini amat menarik kerana leksis pinjaman dalam bahasa Cina yang berhuruf Inggeris merupakan leksis kata majmuk yang dibentuk dengan campuran huruf bahasa Inggeris dengan tulisan bahasa Cina. Leksis-leksis pinjaman ini dibentuk dengan tidak menepati peraturan morfologi bahasa Cina dan dikatakan bukan leksis tulen bahasa Cina kerana leksis tulen bahasa Cina hanya dibentuk daripada **kata berbentuk segi empat ataupun pictograph**. Leksis-leksis pinjaman ini telah menjadi leksis yang standard dan telah dimasukkan sebagai enteri dalam kamus. Pengkaji menggunakan kajian perpustakaan, soal-selidik dan temubual dan tujuh puluh tiga huruf dipilih daripada kamus bahasa Cina untuk dianalisis. Didapati penutur bahasa Cina sangat minat menggunakan leksis berhuruf disebabkan kebiasaan, ringkas, menjimatkan masa, senang difahami dan mengikut trend bahasa. Para pendidik pula menerima penggunaan leksis berhuruf rumi dalam pertuturan bahasa Cina harian yang tidak formal, manakala penggunaannya dalam latihan penulisan formal adalah tidak dibenarkan.

Zhi, Kong Yuan. (1992: 649-654), menyelidiki kata-kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Cina. Pengkaji membahas pengaruh bahasa Melayu terhadap bahasa Cina dalam bidang kosa kata yang merupakan suatu komponen daripada kajian mengenai hubungan kebudayaan antara bangsa Cina dengan bangsa Melayu dan

bangsa Indonesia. Pengkaji menggunakan buku–buku bahasa Cina dan 18 buah kamus dalam kajiannya. Didapati kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Cina kurang apabila dibandingkan dengan kata-kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu.

Chia (1999), mengkaji ciri-ciri kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Cina, yang digunakan dalam konteks Malaysia. Beliau menjalankan kajian untuk menentukan kekerapan penggunaan perkataan–perkataan Melayu dalam bahasa Cina tempatan serta untuk menunjukkan sama ada perluasan makna, penyempitan atau kehilangan makna berlaku dalam lexis pinjaman mengikut data kajian. Chia mendapati bahawa kebanyakan kata pinjaman mengekalkan makna asal. Selain itu, kajian ini juga berfokus kepada perubahan-perubahan bunyi lexis yang dipinjam berbanding dengan lexis sumber, iaitu bahasa Melayu. Perubahan bunyi berlaku pada bunyi yang tidak wujud dalam sistem bahasa Cina. Contohnya bahasa Cina tidak mempunyai konsonannya / d /, dan konsonan ini di sebut sebagai bunyi sisian gusi / l / dalam / pandan / menjadi / panlan /.

Ng (2003), telah meninjau evolusi (perkembangan), perubahan dan penggunaan kata-kata bahasa Cina. Kajiannya tertumpu pada tajuk-tajuk utama yang tertera pada kulit muka depan majalah ‘*The International Chinese Newswweekly*’. Hasil kajian menunjukkan bahawa 50% daripada perkataan baru yang terbentuk adalah kata majmuk, 34.1% kata yang terbentuk adalah kata retorik dan 15.9% kata yang terbentuk adalah kata pinjaman. Pengkaji berbandapat bahawa penggunaan bahasa Cina kini telah mengalami suatu evolusi ke arah penciptaan perkataan baru secara kreatif.

Soon Chiow Thai (2008), telah mengkaji pembentukan dan penggunaan leksis pinjaman bahasa Cina dalam surat khabar. Pengkaji telah menganalisis data kajian dari data korpus kajian dan juga soal-selidik. Kajian ini menyentuh proses peminjaman dan kategori-kategori leksis dalam surat khabar.

## **2.6 Pengklasifikasian Pemindahan (peminjaman) Leksis**

Perbendaharaan kata mana-mana bahasa dapat dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu unsur natif (asli) dan unsur pinjaman. Unsur yang pertama berasal dari tahap terawal yang diketahui manakala unsur yang kedua dipinjam dari bahasa lain. Unsur pinjaman dapat diklasifikasikan '*by the type of entities from a second language*' (Lehmann: 1992). Peminjaman adalah keadaan yang mana unsur-unsur bahasa sudah menjadi sebahagian tetap bahasa meminjam iaitu bahasa sasaran (Haugen, 1972).

Dalam menghuraikan klasifikasi pinjaman, terdapat dua kaedah yang dapat digunakan, iaitu pertama, kriteria formal, dan kedua, kriteria semantik. Haugen (1953) menggunakan kriteria formal dalam kajiannya tentang peminjaman bahasa Norwegian Amerika daripada bahasa Inggeris. Manakala kriteria semantik pula digunakan oleh Stene (1945) dalam kajian tentang pinjaman Inggeris dalam bahasa Norwegian. Klasifikasi berdasarkan kriteria semantik agak subjektif sifatnya dan akan menimbulkan masalah keabitrarian serta kesukaran dalam proses penganalisan data. Stene juga menghadapi kesukaran dalam menentukan bilangan kategori dan juga kekerapan berlakunya kes pinggiran dan pengulangan (Stene 1945:176).

Namun demikian kriteria semantik ini amat berfaedah sekiranya kita ingin menambah klasifikasi yang dibuat berdasarkan kriteria formal, kerana kaedah ini akan memperlihatkan bidang perbendaharaan kata yang paling menonjol dipengaruhi akibat pertembungan bahasa. Kaedah formal ini disarankan oleh Haugen (1953) dan dikembangkan oleh Weinreich (1967).

Menurut Haugen (1953) yang menggunakan kriteria formal, pinjaman dapat dibahagikan kepada dua kumpulan besar, iaitu pengimportan dan penggantian yang dianggap fakta-fakta yang saling melengkapi reproduksi linguistik dan hubungan menentukan cara-cara kita menghuraikan keputusan peminjaman kata (Haugen 1953:389). Haugen (1956:56-60) telah memberikan beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam pengkajian kata pinjaman, iaitu menurut urutan abjad, perkara, golongan, bentuk, tingkat tatabahasa, darjah atau cara integrasi, ciri yang diingini (*desirability*) pengguna sendiri yang memperkenalkannya dan menyatakan sikap mereka.

Menurut Haugen (1953:397), kata nama bahasa asing dipinjam ke dalam sesuatu bahasa sebagai kata nama juga sekiranya struktur kedua-dua bahasa ini hampir sama. Misalnya, dalam kajian beliau terhadap bahasa orang-orang Norway di Amerika Syarikat, beliau mendapati kata nama bahasa Inggeris telah dipinjam dan digunakan sebagai kata nama juga dalam bahasa orang-orang Norway.

Haugen (1950) menyatakan bahawa peminjaman kata dalam bentuk jenis apa sekalipun boleh dianalisis dan dihuraikan dengan melihat sejauh manakah perkataan

yang dipinjam itu mengalami perubahan bentuk melebihi penggantian kebiasaan natif.

Haugen (1956:61), mengelaskan kata pinjaman kepada tiga kumpulan, iaitu:

- i. kata pinjaman (*loan-word*);
- ii. pinjaman kacukan (*loanblends*);
- iii. pinjaman peralihan (*loanshifts*).

Kata pinjaman (*loan-word*) adalah pinjaman yang dilakukan dari sesuatu bahasa yang memaparkan pengimportan morfemik tanpa penggantian. Sebarang pengimportan morfemik boleh dibahagikan dengan lebih lanjut berdasarkan darjat penggantian fonemik (pengelasan ini mengikut darjah cabang fonemiknya): tiada, sebahagian atau penuh.

*“Loanwords show morphemic importation without substitution. Any morphemic importation can be further classified according to the degree of its phonemic substitution: none, partial, or complete”.*

(Haugen, 1956:61)

Dengan kata lain, definisi kata pinjaman (*loan-words*) menurut Haugen (1956), ialah pinjaman kata asing yang dilakukan dengan mengimport bunyi-bunyi bahasa model secara langsung. Seandainya sesuatu pinjaman sangat menyerupai model, maka proses **pengimportan** bunyi berlaku.

Contoh Pengimportan Kata Pinjaman (*Loan-Words*):

<b>Bahasa Inggeris</b>		<b>Bahasa Melayu</b>
1. <i>script</i>	→	skrip
2. <i>Machine</i>	→	mesin
3. <i>Bus</i>	→	bas
4. <i>Make-up</i>	→	mekap

Pinjaman kacukan (*loanblends*) merupakan sebahagian kata sahaja yang dipinjam. Kata peminjam digabungkan dengan kata penerima yang sedia ada. Kata pinjaman dilakukan dengan penggantian dan pengimportan unsur-unsur morfemik. Haugen (1956:61), menjelaskan lagi bahawa '*Loanblends show morphemic substitution as well as importation*'.

Contoh Kata Pengimportan dan Penggantian:

<b>Bahasa Inggeris</b>		<b>Bahasa Melayu</b>
1. <i>anti-govemment</i>	→	anti-kerajaan
2. <i>stability</i>	→	kestabilan
3. <i>boots</i>	→	kasut but
4. <i>time bomb</i>	→	bom waktu

Menurut Haugen (1956), pinjaman peralihan (*loanshifts*) adalah jenis pinjaman yang dilakukan dengan penggantian tanpa pengimportan. Jenis pinjaman ini juga termasuk yang biasanya dikenali sebagai pinjaman terjemahan dan pinjaman semantik.

*'Loanshifts show morphemic substitution without importation. These include what are usually called loan translation and semantic loan'*. Pinjaman peralihan (*loanshifts*) merupakan kata atau frasa dari bahasa lain dengan mengubah bentuk fonologi sehingga sehati dengan bahasa penerima.

Contoh:

i) Pinjaman terjemahan secara literal

- a) perang dingin - *'cold war'*
- b) pasar gelap - *'black market'*

ii) Pinjaman perluasan semantik

- a) ladang bermakna *clearing* dipanjangkan makna (*extended to mean*)  
*plantation*
- b) piring bermakna *'saucer'* dipanjangkan makna (*extenden to*) piring hitam  
bagi *gramophone record*

Weinreich (1967) menggunakan istilah *'loan translation'* untuk mencipta pinjaman terjemahan dan *'loan renditions'* untuk perluasan pinjam terjemahan. Weinreich (1967), juga mengklasifikasikan peminjaman kata berdasarkan pembahagian Haugen, tetapi cuma istilah yang digunakan berbeza, iaitu *'transfer'* (*importation*) dan *'reproduction'* (*substitution*). Walau bagaimanapun beliau menggunakan kaedah ini pada tahap leksikal sahaja. Namun demikian beliau berpendapat bahawa proses yang lebih kurang sama boleh berlaku dalam peminjaman tatabahasa.



Stene (1945) pula menggunakan pendekatan semantik yang mana perpendaharaan kata dalam sesuatu bahasa itu dikaji untuk melihat pinjaman yang berlaku akibat proses pertembungan bahasa. Dengan menggunakan kriteria semantik beberapa masalah boleh timbul, umpamanya kata mungkin diulang dalam kategori yang berlainan sekiranya kita membahagikan kata pinjaman kepada kategori yang luas. Sebaliknya pula, sekiranya kita mengkategorikan kata pinjaman kepada yang mempunyai pertalian yang rapat kita mungkin boleh mengasingkan perkataan itu.

Mengikut Heah (1989), perluasan leksikal boleh ditinjau melalui tiga proses, iaitu pengimportan, penggantian dan perekaan natif. Melalui ketiga-tiga proses tersebut, kata pinjaman dibahagikan kepada kata pinjaman tulen (*pure loanwords*), kata pinjaman kacukan (*loan blends*), kata pinjaman peralihan (*loan shifts*), kata pinjaman gantian (*Apt equivalent substitutes*) termasuk penggantian padanan yang berlaku secara langsung dan yang tidak langsung dan kata pinjaman rekaan natif (*natif enovation*). Penggolongan di atas adalah berdasarkan proses kemasukan kata pinjaman. Menurut Heah (1989:148), “*words seldom pass from one language into another without some changes or adjustment of meaning*”. Dengan kata lain, jarang ada bahasa yang tidak mengalami sedikit perubahan atau penyesuaian maksud dalam sepanjang proses pinjaman.

Bynon (1977:226–249), menyatakan bahawa pertembungan bahasa akan menghasilkan peminjaman leksikal. Beliau mengkategorikan peminjaman leksikal kepada kata pinjaman, pinjaman terjemah (*calques*) dan peluasan makna.

Menurut Bynon (1977), kata pinjaman merupakan peminjaman kata secara terus dari bahasa lain. Dengan erti lain, kata pinjaman merupakan pemindahan bahan leksikal yang terhasil daripada pertemuan dua bangsa yang menggunakan bahasa yang berlainan. Misalan, hasil pertemuan orang Jemanik dengan dunia Kekunoan Klasik dan Gereja Kristian awal telah menyebabkan sebilangan besar leksikal dipinjam daripada Latin Klasik dan Latin Kasar. Menurut Bynon, dari segi semantik kata pinjaman boleh:

a. Menjadi tambahan kepada leksikon bahasa peminjam.

Contoh: *tea, orang-utan, camera* – merupakan tambahan leksikon kepada bahasa Inggeris.

b. Menggantikan kata asli.

Contoh: *fiancé (e), mercy*

c. Mentaksirkan semula medan leksikal khusus.

Contoh: *profound* lawan *deep*, *mutton* lawan *sheep*, *acid* lawan *sour*

Pinjaman terjemahan (*calques*) merupakan jenis peminjaman yang lebih halus jika dibandingkan dengan kata pinjaman. Menurut Bynon (1977:143), pinjaman terjemahan merupakan bentuk dan makna kata asing yang digunakan hanya sebagai model untuk penciptaan asli, tetapi tidak dibawa masuk ke dalam bahasa peminjaman sebagai satu unit. Ini hanya berlaku jika kata yang dipinjam itu kompleks dari segi morfologi dan juga jelas dari segi makna, dan proses ini merangkumi penggantian bagi setiap morf dengan morf yang paling dekat dari segi makna dalam bahasa peminjam dan penggabungan morf ini menurut rumus pembentukan kata yang asli.

Peluasan makna ialah konsep asing yang diterima ke dalam sesuatu bahasa, iaitu dengan mengubahsuaikan julat makna sesuatu unsur yang mempunyai makna yang serupa dengan kosa kata asli atau dengan meluaskan makna untuk memberi makna baru disamping makna asli.

Bloomfield (1967:444), telah membahagikan peminjaman kepada 3 jenis iaitu pinjaman budaya (*interlingual*), pinjaman intim (*intimate borrowing- interlingual*) dan pinjaman dialek (*intra lingual*). Pinjaman budaya (*interlingual*) berlaku jika dua komuniti linguistik berbeza bertemu. Komuniti linguistik yang berbeza ini mesti mempunyai sempadan geografi dan bentuk politik yang tidak sama, iaitu negara berlainan. Pinjaman budaya (*Cultural Borrowing*) merupakan jenis pinjaman yang ciri-ciri kata dipinjam dari bahasa lain digunakan dan jenis pinjaman ini lebih bersifat sebelah pihak sekiranya sesebuah negara itu memberi lebih banyak kepada negara yang satu lagi. Misalan bahasa Inggeris meminjam istilah-istilah Latin yang berkaitan dengan agama Kristian, seperti *Church, minister, bishop* dan lain-lain lagi. Menurut Bloomfield (1967:510-527) dalam pinjaman budaya, sekiranya banyak peminjaman dibuat daripada sesuatu bahasa, struktur asing mungkin akan mengadaptasikan kata-kata asli.

Menurut Bloomfield (1967:528-544), pinjaman intim (*interlingual*) berlaku jika dua bahasa berlainan yang terlibat digunakan dalam domain politik yang sama. Contohnya, pinjaman intim berlaku di antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu serta bahasa Tamil dan bahasa Melayu di Malaysia. Keadaan ini berlaku kerana penaklukan. Pinjaman intim (*Intimate Borrowing*) lebih bersifat sebelah pihak, yang mana dibezakan dengan bahasa atasan atau bahasa dominan, yang dituturkan oleh kumpulan penakluk atau kumpulan istimewa, dari bahasa bawah yang dituturkan oleh

rakyat. Bloomfield menyatakan bahawa dalam kebanyakan pertembungan intim, bahasa bawahan adalah bahasa asli dan bahasa atasan adalah bahasa yang diperkenalkan oleh sekumpulan penakluk.

Pinjaman dialek (interlingual) berlaku dalam rumpun keluarga bahasa yang sama. Menurut Bloomfield (1967:545-582) pinjaman dialek (*Dialect Borrowing*) agar berbeza dengan pinjaman budaya dan pinjaman intim. Dalam pinjaman dialek, ciri-ciri pinjaman adalah dari kawasan penutur yang sama, misalan 'father', 'rather' dengan [ a ] dalam dialek yang berlainan dari kawasan yang sama mungkin menggunakan [ ε ]

Abdullah Hassan (1974:216-237), membahagikan kata pinjaman kepada lapan jenis, iaitu pinjaman tulen, pinjaman maksud, pinjaman kacukan, pinjaman pemerian, pinjaman berpindah, pinjaman dialek, pinjaman kuno dan pinjaman dalam bidang lain.

Pinjaman tulen adalah pinjaman yang dilakukan secara penuh daripada sesuatu bahasa kerana terdapat kekosongan kata bagi bahasa berkenaan. Jenis peminjaman ini bukan sahaja perkataan dipinjam tetapi juga peminjaman konsepnya.

Pinjaman maksud ialah kata-kata asal diberi maksud baru apabila meminjam kata dari bahasa lain. Dalam jenis pinjaman ini, hanya maksud bahasa asal sahaja yang dipinjam dan diberikan istilah baru mengikut bahasa sasaran. Contohnya perkataan bahasa Inggeris 'plantation' dipinjam maksudnya dan diberikan satu istilah baru yang ada dalam bahasa Melayu iaitu **ladang**.

Pinjaman kacukan ialah kata asing yang digabungkan dengan kata yang sedia ada di dalam bahasa peminjam. Misalannya *baju kot* dan *roti-biskut* merupakan kata pinjaman hasil dari proses kacukan.

Kata pinjaman pemerian ialah kata pinjaman yang dihasilkan melalui proses pemerian. Menurut Abdullah Hassan (1974: 225), benda asing yang didatangkan itu susah untuk diberi nama, lantas diperiksa saja. Dalam kata pinjaman pemerian, konsep dan idea baru itu dipinjam dan unsur yang sedia ada dalam bahasa peminjaman dipergunakan bagi mengisi kekosongan itu. Misalan, keretapi, baja merah dan sebagainya.


Menurut Abdullah Hassan (1974:225), pinjaman berpindah adalah kata-kata yang mengalami perubahan makna sama sekali. Keadaan ini terjadi oleh sebab ada satu leksis atau satu leksis lain yang hampir-hampir sama dengannya dan ini menyebabkan makna leksis itu berpindah kepada leksis lain. Misalannya, **vokal** untuk *vowel* dalam bahasa Inggeris tetapi asalnya **vokal** ialah *vocal* iaitu kata yang lain sekali ertinya.

Pinjaman dialek ialah kata-kata yang dipinjam daripada sesuatu dialek bahasa berkenaan. Pinjaman kuno (Abdullah Hassan 1974:226) ialah pinjaman kata daripada istilah atau bahasa-bahasa kuno yang tidak lagi digunakan. Ia merupakan satu proses yang menghidupkan semula kata-kata kuno yang tidak digunakan lagi.

Abdullah Hassan menyatakan sesuatu bahasa juga meminjam kata-kata atau frasa dari bidang yang lain. Misalnya simpulan bahasa – **batu loncatan, berbulan madu, ambil sarapan** dan lain-lain lagi dipinjam daripada bahasa Inggeris.

### 2.6.1 Kerangka Konsep Pengklasifikasian Leksis

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kombinasi konsep pengklasifikasian kata pinjaman seperti yang dicadangkan oleh Haugen (1953) dan Heah (1989) untuk menganalisis data kajian. Kombinasi kerangka pengkategorian ini digunakan kerana ianya didapati sesuai untuk menganalisis pinjaman lexis Inggeris ke dalam bahasa Tamil yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:



**Rajah 2.1 Pengklasifikasian Peminjaman oleh Haugen (1953) dan Heah (1989)**

Dalam menghuraikan pengklasifikasian pinjaman, pengkaji menggunakan kriteria formal yang digunakan oleh Haugen (1953) yang dibahagikan kepada dua kumpulan besar, iaitu pengimportan (*importation*) dan penggantian (*substitution*).

Di bawah pengimporan pengkaji membincangkan lexis pinjaman kata pinjaman tulen (*pure loanwords*) dan kata pinjaman kacukan (*loan blends*) seperti mana dibincangkan oleh Haugen (1953) dan Heah (1989). Di bawah penggantian (*substitution*) pula pengkaji membincangkan kata pinjaman terjemahan (*loan translation*) seperti mana dibincangkan oleh Haugen (1953) dan kata pinjaman gantian (*Apt equivalent substitutes*) seperti mana dibincangkan oleh Heah (1989). Pengkaji tidak menyentuh tentang perekaan natif (*natif enovation*) yang dibincangkan oleh Heah (1989) kerana proses ini tergolong ke dalam salah satu proses pembentukan kata dalaman sesuatu bahasa. Tetapi kajian ini tertumpu pada proses pembentukan kata luaran.

Kerangka peminjaman konsep pengklasifikasian yang dicadangkan oleh Haugen (1953) dan Heah (1989) diaplikasikan ke dalam konteks bahasa Tamil dengan berpandukan pada pengklasifikasian terperinci Balasubramaniam, P. (1992).

#### **A. Kata Pinjaman Tulen (*pure loan-words*)**

1. Kata pinjaman tulen tanpa asimilasi
2. Kata pinjaman tulen separuh asimilasi
3. Kata pinjaman tulen asimilasi penuh
4. Lexis pinjaman tulen berasimilasi secara ortografi

##### **a. Jenis Pertama**

- i. Kata Nama Tunggal
- ii. Kata Kerja Tunggal
- iii. Kata Nama Majmuk
- iv. Akronim

- v. Kata Nafi
- vi. Kata Ucapan Bertatasusila/ Perintah
- vii. Kata Sapaan
- viii. Kata Pembelar
- ix. Kata Ganti Diri
- x. Kata Penghubung
- xi. Kata Penguat
- xii. Kata Tanya
- xiii. Kata Seru

b. Jenis kedua

- i. Kata Nama Tunggal
- ii. Kata Kerja Tunggal
- iii. Kata Nama Majmuk
  - a. Kata Nama Majmuk yang ditulis serangkai
  - b. Kata Nama Majmuk yang ditulis terpisah
  - c. Kata Nama Majmuk yang bentuknya dikekalkan
  - d. Kata Majmuk Multinomial
- iv. Kata Sapaan

**B. Kata Pinjaman Kacukan (*Loanblends*)**

1. Kata pinjaman kacukan sederhana
2. Kata pinjaman kacukan marginal
3. Kata pinjaman kacukan nuclear



a. Kata pinjaman kacukan nuklear – jenis 1

- i. Kata dasar Inggeris dengan imbuhan akhiran partikel kerja Tamil
- ii. Kata dasar Inggeris dengan imbuhan akhiran kasus Tamil dan partikel kerja Tamil

b. Kata pinjaman kacukan nuklear – jenis 2

- i. Kata dasar Inggeris dengan imbuhan akhiran jamak Tamil
- ii. Kata dasar Inggeris dengan imbuhan akhiran jamak Tamil dan kasus Tamil
- iii. Kata dasar Inggeris dengan akhiran partikel konjungsi Tamil
- iv. Kata dasar Inggeris dengan imbuhan akhiran kasus Tamil dan partikel konjungsi Tamil
- v. Kata dasar Inggeris dengan imbuhan akhiran jamak Tamil dan partikel konjungsi Tamil
- vi. Kata dasar Inggeris dengan akhiran kata tugas Tamil
- vii. Kata dasar Inggeris dengan akhiran kasus Tamil dan kata tugas Tamil
- viii. Kata dasar Inggeris dengan imbuhan akhiran kasus Tamil dan kata partikel penegas Tamil
- ix. Kata dasar Inggeris dengan akhiran kasus Tamil
- x. Kata dasar Inggeris dengan awalan kata ganti nama tunjuk dan akhiran kasus Tamil

- xi. Kata dasar Inggris dengan akhiran kata tanya Tamil
- xii. Kata dasar Inggris dengan akhiran partikel adverba Tamil
- xiii. Kata dasar Inggris dengan akhiran partisipal kerja Tamil

#### 4. Kata majmuk pinjaman kacukan

- a. Kata majmuk pinjaman kacukan nuklear
  - Leksis Inggris sebagai konstituen utama kata majmuk
- b. Kata majmuk Pinjaman kacukan marginal
  - Leksis Tamil sebagai konstituen utama kata majmuk
- c. Kata majmuk pinjaman kacukan nominal
- d. Kata majmuk pinjaman kacukan multinominal
  - Leksis Inggris sebagai konstituen utama
  - Leksis Tamil sebagai konstituen utama

#### 5. Kata pinjaman kacukan '*tautological*'

### **C. Kata Pinjaman Terjemahan (*Loan translation*)**

- 1. Bentuk stuktur dikekalkan
- 2. Bentuk stuktur berubah

### **D. Kata Pinjaman Padanan (*Apt equivalent substitutes*)**

Terdapat dua jenis penggantian padanan yang sesuai iaitu penggantian padanan secara langsung dan tidak langsung. Penggantian padanan secara langsung ialah perkataan dari bahasa sasaran dibandingkan secara teliti dengan perkataan dalam bahasa sumber. Jika maknanya sesuai, perkataan dalam bahasa sasaran akan

diterima. Manakala penggantian padanan secara tidak langsung ialah perkataan diganti dari bahasa yang terdekat dengan bahasa sasaran dari segi genetik atau kaitan lain. Dalam analisis jenis leksis pinjaman penggantian padanan, pengkaji hanya tumpukan pada penggantian padanan secara langsung. Dalam analisis peminjaman leksis Inggeris ke dalam bahasa Tamil, pengkaji mendapati peminjaman ini lebih sesuai pada analisis penggantian padanan secara langsung. Pengkaji mengkaji jenis leksis pinjaman penggantian padanan secara langsung di bawah jenis kata pinjaman padanan (*Apt equivalent substitutes*).

## 2.7 Faktor-faktor Pemindahan (Peminjaman) Leksis

Aitchison (2001:134), mengatakan bahawa fesyen, pengaruh asing dan keperluan sosial merupakan faktor-faktor sosiolinguistik yang menyebabkan berubahnya sesuatu bahasa. Beliau berpendapat **fesyen pertuturan** berlaku secara rawak tanpa disedari oleh penutur. Misalnya orang Inggeris mempelajari sebutan /r/ orang New York dalam masa yang singkat. Teori '*miss the target*' yang dipelopori oleh Hockett dalam tahun 1950-an menerangkan bagaimana penutur tidak menutur dengan betul tetapi masih difahami oleh pihak lain, lama-kelamaan, cara penyebutan yang salah dipelajari. Namun, beliau mengulas bahawa **faktor fesyen** hanya sebagai pencetus (*trigger*) tetapi bukan punca utama berlakunya pinjaman.

Menurut Aitchison (2001:137), **pengaruh unsur asing** akan menyebabkan penyerapan elemen-elemen asing dalam bahasa penerima. Berdasarkan teori '*substratum*', semasa golongan imigran berhijrah ke tempat baru, mereka akan belajar bahasa asing dengan kurang sempurna, begitu juga berlaku pada penutur asli tempatan yang belajar bahasa golongan pendatang. **Keperluan sosial** berlaku pada

tahap perbendaharaan kata apabila berlakunya pengaruh asing, perkataan-perkataan baru dicipta akibat daripada peredaran zaman, misalnya ‘*netizen*’ untuk maksud ‘*net citizen*’, ‘*visually challenged*’ digantikan dengan ‘*blind*’ dalam dokumen rasmi dan ‘*garbage*’ digantikan dengan ‘*non-productive ex-consumer materials*’.

Menurut MacMohon (1994:200-212), motivasi pinjaman dipengaruhi oleh pulangan yang disasarkan (*projected- gain*), keperluan (*sheer necessity*), faktor sosial, kebolehpinjaman sesuatu perkataan disebabkan bahasa yang bersifat arbitrari dan faktor kedwibahasaan amat terhad. Menurut beliau, faktor sejagat pinjaman bahasa ialah **pulangan yang disasarkan**. Pulangan yang diterima mungkin berbentuk sosial, prestij, atau linguistik. Apabila meminjam perkataan daripada bahasa lain, penutur mendapat menggantian bagi perkataan yang sudah usang dan kurang daya ekspresif (*expressive force*). Keperluan untuk menamai informasi dan teknologi baru kerana bertembung dengan budaya asing juga menyebabkan peminjaman berlaku; jenis peminjaman yang bersifat dua hala (*bidirectional*) ini dikenali sebagai pinjaman budaya.

Pertembungan dua bahasa tidak semestinya dianggap mempunyai prestij yang sama oleh penutur-penutur yang terlibat. Perbezaan prestij yang dimiliki oleh penutur menyebabkan pinjaman oleh pihak yang kurang berprestij daripada pihak yang lebih berprestij. Menurut MacMohon (1994:202):

*“In such linguistic relationships of unequal prestige, borrowings generally from the more to less prestigious language, will be concentrated in the semantic fields where the more prestigious speaker wield the greatest influence”.*

(MacMohon, 1994:202)

Walaupun terdapat kata pinjaman yang dipinjam oleh pihak yang lebih berprestij daripada pihak yang kurang berprestij, jenis pinjaman ini biasanya mempunyai konotasi yang negatif (MacMohon, 1994:203).

Kebolehpinjaman sesuatu perkataan juga mempengaruhi proses pinjaman. Menurut MacMohon (1994:204), sebilangan perkataan dasar seperti nama anggota manusia, cuaca dan pengalaman-pengalaman universal (kelahiran, kematian, fenomena semula jadi: sungai, gunung) kurang dipinjam. Meskipun pinjaman berlaku bagi golongan perkataan dasar, motivasi pinjaman tidak berhubung dengan faktor prestij. Berbeza dengan Weinreich (1967:59), McMohon (1994:204) berpendapat peranan kedwibahasaan dalam motivasi pinjaman amat terhad. Apa yang menjadi penting ialah penutur yang menggunakan kata pinjaman memahami maksud perkataan yang dipinjam. Misalnya orang-orang Spanyol boleh meminjam dan memahami perkataan '*banana*' dari Wolof dengan melihat **pisang**.

Menurut Thanga Manian (1983), prestij dan keperluan adalah dua kemungkinan motif yang mendorong peminjaman berlaku. Penutur bukan Tamil menggunakan banyak kata Tamil dalam pertuturan mereka kerana Tamil adalah bahasa rasmi di Tamil Nadu dan merupakan bahasa majoriti. Begitu juga pada zaman penjajahan Inggeris di Tamil Nadu masyarakat Tamil berpendidikan menggunakan banyak ungkapan bahasa Inggeris dalam pertuturan mereka.

Sama seperti Thanga Manian (1983), Hans Henrick Hock (1986:408) dan Radford (2005:255) berpendapat bahawa dua faktor utama yang membolehkan suatu bahasa meminjam kata daripada bahasa lain ialah keperluan dan prestij. Peminjaman ialah

keperluan kerana apabila sesuatu bahasa menerima konsep baru mengenai teknik baru atau agama, bahasa itu perlu ada perbendaharaan kata yang menggambarkan perkara baru itu. Sesuatu bahasa itu akan menerima kata daripada bahasa-bahasa lain untuk mengisi kekosongan kosa kata bahasa berkenaan. Terdapat juga bahasa yang meminjam daripada bahasa lain kerana prestij, misalan bahasa Jerman yang meminjam istilah-istilah daripada bahasa Inggeris.

Menurut Weinreich (1967:56), peminjaman leksikal lebih kerap berlaku daripada peminjaman fonetik dan tatabahasa kerana struktur perbendaharaan kata sesuatu bahasa lebih longgar daripada struktur fonemik dan tatabahasa. Menurut Weinreich (1967:57), salah satu faktor yang menggalakkan penutur meminjam perkataan baru daripada bahasa lain ialah keperluan untuk menamai benda, manusia, tempat dan konsep baru. Faktor ini juga merupakan faktor universal berlakunya inovasi leksikal sesuatu bahasa. Contohnya orang Poland dan orang Ukraine telah meminjam item-item leksikal daripada orang Rumania dalam bidang perhutanan, pertanian dan penternakan. Menurut bukti linguistik, penduduk-penduduk di Volga mempelajari seni bina daripada orang Rusia. Didapati lebih ekonomikal meminjam nama yang sedia ada dalam bahasa lain untuk menamai benda-benda yang baru.

Sama seperti Weinreich (1967:57), Poovannan (2003:6) juga mengatakan bahawa menamakan benda-benda baru dan konsep baru di tempat yang mana benda-benda atau konsep baru itu ditemui adalah mudah dengan bahasa yang digunakan di tempat itu. Malahan, adalah sukar untuk menamakan sesuatu benda atau konsep baru yang ditemui atau diperkenalkan di tempat asing apabila digunakan ditempat bahasa peminjam. Maka wujudlah kata pinjaman dalam bahasa berkenaan.

Faktor linguistik dalaman, iaitu kekerapan penggunaan perkataan yang rendah juga menyebabkan berlakunya pinjaman (Weinreich 1967:57). Bagi sesuatu perkataan yang sering muncul dalam minda penutur, maka perkataan tersebut adalah lebih stabil; tetapi bagi perkataan yang jarang digunakan, kekerapan penggunaan perkataan tersebut adalah tidak stabil. Oleh sebab itu, perkataan itu mungkin dilupakan atau digantikan dengan perkataan lain. Misalnya **istanggar** perkataan Melayu lama kurang penggunaannya dalam percakapan seharian dan perkataan **senapang** dari bahasa Belanda yang lebih umum dan lebih kerap penggunaannya telah menggantikan **istanggar** (Keok, 2000:21).

Faktor linguistik dalaman yang lain menyebabkan peminjaman berlaku ialah '*pernicious homonymy*'. Menurut Weinreich (1967:57), tujuan peminjaman ini adalah untuk menyelesaikan masalah pertentangan di antara homonimi. Jenis pinjaman ini dapat menyelesaikan pertentangan di antara homonimi. Kecenderungan kata-kata afektif kehilangan daya ekspresif (*tendency of affective words to lose their expressive force*) dan keperluan untuk meluahkan sesuatu juga menggalakkan peminjaman. Jika kata-kata daripada bahasa lain membolehkan penutur meluahkan perasaan afektifnya, maka peminjaman akan berlaku.

Kekurangan perbendaharaan kata dalam bidang semantik tertentu juga menggalakkan peminjaman. Contohnya di Switzerland, penutur dialek Itali menggunakan '*corona*' untuk maksud '*wreath*' dan '*crown*', tetapi selepas bertembung dengan orang Jerman, penutur-penutur tersebut meminjam '*kranz*' untuk maksud '*wreath*' mengekalkan '*corona*' untuk maksud '*crown*' (Weinreich, 1967:59).

Nilai sosial yang dipegang oleh penutur-penutur sesuatu bahasa juga menyebabkan peminjaman (Weinreich, 1967:59). Menurut Weinreich lagi, sekiranya sesuatu bahasa dianggap berprestij, penutur yang menuturkan bahasa tersebut selalu dikaitkan dengan status sosial yang positif. Dikatakan bahawa, bahasa asing sering dinilai sebagai bahasa yang berkedudukan lebih tinggi. Kedwibahasaan juga menggalakkan proses pinjaman bahasa berlaku, ini disebabkan golongan dwibahasa lebih biasa dengan budaya dwibahasa.

Menurut Varatharasan, M. (1969:99), peminjaman kata dan unsur-unsur tatabahasa dari suatu bahasa ke suatu bahasa lain berlaku kerana wujudnya perhubungan rapat antara penutur kedua-dua bahasa itu. Sebab-sebab wujudnya perhubungan rapat adalah mungkin disebabkan politik, agama dan seni. Pendapat Varatharasan, M. (1969:99) sama seperti Thevaneyappavanar (1999:86), iaitu ramai penutur bahasa Tamil di India mengagungkan bahasa Inggeris disebabkan ia bahasa politik dan mengagungkan bahasa Sanskrit disebabkan ia bahasa agama. Ini telah menyebabkan penutur bahasa Tamil menggunakan banyak perkataan pinjaman dari bahasa Inggeris dan bahasa Sanskrit dalam pertuturan harian sehingga banyak kata pinjaman menular masuk ke dalam bahasa Tamil. Misalnya perkataan '*soru*' (nasi) digantikan dengan '*sa:tham*' dan '*ni:r*' (air) digantikan dengan '*jalam*'.

Menurut Venkadasamy (1955:55-56), peminjaman kata Inggeris ke dalam bahasa Tamil disebabkan bahasa Inggeris merupakan bahasa pemerintah. Seseorang yang berpendidikan bahasa Inggeris mudah mendapat pekerjaan dan permintaan bahasa Inggeris dalam bidang perniagaan amat mendesak. Maka ramai di antara penutur bahasa Tamil berminat mempelajari bahasa Inggeris dan mula menggunakan banyak



perkataan Inggeris dalam pertuturan harian mereka. Misalnya perkataan *கவர்னர்* (*governor*), *கோர்ட்டு* (*court*), *ஆபிஸ்* (*office*), *காப்டி* (*coffee*), *பேப்பர்* (*paper*), *கோட்டு* (*coat*), *கம்பெனி* (*company*), *மிசின்* (*mechine*), *மோட்டார்* (*motor*), *மீட்டிங்கு* (*meeting*) dan *சோப்பு* (*soap*).

Abdullah Hassan (1974:221) mengatakan bahawa motivasi peminjaman ialah keperluan dan perasaan megah terhadap sesuatu bahasa. Bagi motivasi pinjaman yang berpunca daripada perasaan megah, beliau telah memberi contoh pelajar Melayu yang pulang dari England sengaja menggunakan 'I' dan 'you'. Hal ini adalah untuk menunjukkan yang mereka pandai bertutur dalam bahasa tersebut, dan mereka adalah orang-orang terpelajar. Faktor kedua yang diberi oleh Abdullah Hassan adalah keperluan, contohnya, negara Thai dan Jepun meminjam beribu-ribu istilah asing bukan kerana kemegahan, tetapi hanya untuk memenuhi keperluan yang tulen, khusus dalam bidang pendidikan tinggi.

Menurut Heah (1989:13-20), motivasi pinjaman ditentukan oleh dua jenis faktor, iaitu faktor struktural dan faktor bukan struktural. Faktor-faktor struktural yang akan menggalakkan pinjaman ialah kesamaan dan kesesuaian struktur di antara bahasa, kekerapan penggunaan sesuatu perkataan, homonimi, keusangan bagi setengah-setengah perkataan dan jurang semantik yang berlaku di antara bahasa. Menurut Heah, persamaan struktur di antara bahasa yang bertembung menggalakkan pinjaman, tetapi tiada bukti yang menunjukkan perbezaan struktur akan menghadkan pinjaman. Pada hal, perbezaan struktur di antara bahasa akan mempengaruhi jenis pinjaman. Misalan perbezaan stuktur bahasa yang tinggi antara bahasa Sanskrit

dengan bahasa Tibet telah menghadkan kata pinjaman kepada bentuk pinjam terjemahan (*loan translations*).

Keterikatan sesuatu bahasa (*degree of boundness*) seperti jenis-jenis morfem (morfem bebas dan morfem terikat), kelas kata (terbuka dan tertutup) juga akan mempengaruhi proses pinjaman. Menurut Winreich (1953: dalam Heah 1989:15) menghubungkan konsep **keterikatan** dengan darjat intergrasi morfem bahasa penerima dengan bahasa penderma. Semakin mudah morfem bahasa penerima berintegrasi dengan bahasa penderma, maka pinjaman jenis **pengimportan** kurang berlaku, ini adalah kerana bahasa penerima dapat melakukan pinjaman dengan mengintegrasikan morfem bahasa penderma ke dalam morfem bahasa penerima. Kemungkinan sesuatu perkataan itu digantikan atau dikekalkan dalam sesuatu bahasa dapat dilihat melalui kekerapan penggunaan perkataan. Semakin kerap sesuatu perkataan digunakan, semakin kurang perkataan itu digantikan dengan perkataan lain. Bagi perkataan yang jarang digunakan dalam sesuatu bahasa, maka kemungkinan berlakunya peminjaman kata dari bahasa lain meningkat. Keusangan dan ketidaksesuaian akibat daripada peredaran zaman juga menyebabkan ada perkataan digantikan dengan perkataan baru dari bahasa lain. Jurang semantik perkataan yang berlaku antara dua jenis bahasa juga menggalakkan pinjaman.

Faktor-faktor Bukan Struktural seperti status bahasa secara relative (*prestige*), kecukupan perbendaharaan sesuatu bahasa (*designative adequacy or inadequacy of a vocabulary*), sikap terhadap peminjaman (*attitude towards borrowing*), pertembungan kerana peristiwa sejarah (*historical circumstance of contact*) dan keserasian budaya (*cultural incompatibility*) juga menggalakkan peminjaman (Heah, 1989: 17-20).

Menurut Ennasi (1976:227), sebab-sebab pemindahan kata-kata asing dalam sesuatu bahasa adalah disebabkan:

- i. Penggunaan benda-benda ciptaan baru dari negara asing.
- ii. Keinginan mengetahui sesuatu bidang yang maju daripada penutur bahasa lain.
- iii. Kemalasan untuk menterjemahkan perkataan baru.
- iv. Ingin menggunakan bahasa yang menguasai politik
- v. Percubaan menggunakan bahasa penutur agama yang agung.

Menurut Karunakaran, K. (1975:20-21), sejak dahulu lagi terdapat banyak perubahan (*language changes*) dalam bahasa Tamil. Menurut beliau perubahan ini akan membuka peluang kepada perkembangan sains dan teknologi serta kemajuan kebudayaan sesuatu bangsa. Sesuatu bahasa dianggap kaya sekiranya bahasa itu mudah untuk digunakan bagi tujuan komunikasi dan dapat digunakan secara berkesan dalam semua bidang pada zaman moden ini. Karunakaran, K. (1975:128) juga menjelaskan bahawa sekiranya sesuatu unsur fonologi atau leksikal yang terdapat dalam bahasa sumber itu tidak terdapat dalam bahasa sasaran, maka bahasa sasaran akan meminjam unsur tersebut. Pada situasi ini proses pinjaman ini bukanlah sesuatu yang dipaksakan tetapi berlaku secara tidak disedari ataupun secara semulajadi atau keperluan apabila dua bahasa itu bertembung.

Menurut Venkadasamy (1955:57-58), peminjaman kata dari satu bahasa ke bahasa lain boleh berlaku disebabkan dua bangsa berlainan bahasa berkahwin campur dan lahirnya bangsa baru. Contoh peminjaman kata daripada bahasa Portugis ke dalam bahasa Tamil telah banyak berlaku sejak zaman pemerintahan orang Eropah iaitu orang Portugis di negara India. Orang Portugis berkahwin campur dengan wanita

tempatan India dan melahirkan bangsa 'Tuppa:si' iaitu suatu bangsa baru. Bangsa ini berbahasa Portugis sebagai bahasa ibunda. Di negara India penggunaan bahasa Portugis menjadi bahasa utama di kawasan-kawasan tertentu selama lebih kurang 364 tahun. Maka pemindahan perkataan bahasa Portugis berlaku ke dalam bahasa Tamil. Menurut Venkadasamy, seorang pengkaji bahasa bernama Ganaprakasara, telah menyenaraikan kata-kata pinjaman bahasa Portugis dalam bahasa Tamil dalam artikelnya di suratkhbar O.M.I di Sri Lanka. Beberapa kata-kata pinjaman daripada senarainya ialah seperti berikut:

*அன்னாசி* (nenas), *கொய்யா* (jambu batu), *வாத்து* (itik), *குசினி* (bilik dapur), *கோப்பை* (cawan), *சப்பாத்து* (kasut), *மேசை* (meja), *பேனா* (pen), *சிமெந்து* (simen), *ஆயா* (jururawat), *நங்கூரம்* (anchor), *சாவி* (kunci), *ஏலம்* (lelong), *பட்டாசு* (mercun) dan *சன்னல்* (tingkap).

Kesimpulannya, kebanyakan ahli bahasa mempersetujui bahawa faktor keperluan dan nilai sosial atau prestij merupakan faktor berlakunya peminjaman antara bahasa. Namun Heah (1989), menggolongkan faktor peminjaman kepada faktor struktural dan faktor bukan struktural. Secara umum, motivasi pinjaman dipengaruhi oleh faktor linguistik dalaman dan faktor linguistik luaran.

## **2.8 Kesan Pemindahan (Peminjaman) Leksis**

Menurut Jeffers (1979:148), sekiranya terdapat bilangan kata pinjaman yang banyak dan berlakunya pertembungan bahasa untuk satu jangka masa atau tempoh masa yang mencukupi, bahasa peminjam tersebut mungkin akan mengalami sedikit perubahan struktural:

*“If number of loanwords is large and the contact lasts for a sufficient length of time, the borrowing language may undergo some structural changes”.*

(Jeffers, 1979:148)

McMahon (1994:204-205) menggunakan konsep **adaptasi** (*adaptation*), atau **penggantian** (*substitution*) untuk menghuraikan kesan fonologi yang berlaku terhadap sesuatu bahasa. Misalnya perkataan **kira** dari bahasa Melayu telah dipinjam dalam dialek Kantonis. Penutur dialek Kantonis melakukan adaptasi dengan menyebut perkataan itu sebagai [kela] (Chai, 2008:62). Selain itu, penutur bahasa Inggeris yang tidak mengetahui bahasa Perancis akan melakukan adaptasi fonologi bagi kata pinjaman seperti kata ‘*croissant*’ dari bahasa Perancis diadaptasikan dalam bahasa Inggeris menjadi [kɪwəsənt, kwəsən, kɪsən]. Manakala, bagi penutur bahasa Inggeris yang tahu bahasa Perancis akan menyebut ‘*croissant*’ sebagai [kɪwəsɑ̃] tanpa sebarang adaptasi. Menurut McMahon, darjat adaptasi amat bergantung kepada bilangan kata pinjaman yang terdapat dalam bahasa penerima dan darjat kedwibahasaan. Adaptasi semakin kurang berlaku, apabila penutur bahasa itu telah biasa dengan bahasa asing tersebut:

*“The degree of adaptation also depends on the quantity of loans from the same source already in the recipient language, and the degree of bilingualism: if the speakers of the recipient language are familiar with the donor language, they are less likely to adapt words borrowed from it”.*

(McMahon, 1994:205)

Hans Henrich Hock (1986: 421-423) menggunakan konsep ‘*adoption*’ dan ‘*adaptation*’ dalam kajiannya terhadap peminjaman dalam bahasa Inggeris. Didapati bahasa Inggeris merupakan bahasa yang berkecenderungan mengambil kata asing secara menyeluruh (*adopt*) manakala bunyi asing diambil dengan penyesuaian (*adaptation*).

Dalam kajian Lehmann (1992:256) terhadap orang Jepun yang mengetahui bahasa Inggeris akan menyebut ‘*violin*’ sebagai [ *vaiorin* ], manakala orang Jepun yang tidak mengetahui bahasa Inggeris akan menyebut [ *baiorin* ], berlakunya penggantian [ b ] untuk [ v ] disebabkan bunyi [ v ] tidak wujud dalam bahasa Jepun. Maka Lehmann berpendapat kesan fonologi bahasa asing terhadap bahasa penerima amat bergantung kepada pengetahuan penutur.

Dalam kajian Thomason, Sarah, G. (2001:86-87) terhadap bahasa penduduk di kawasan barat China, yang telah kehilangan tona semasa berujar akibat daripada pertembungan dua jenis bahasa, iaitu Amdo Tibetan dan bahasa Mongolia yang tiada tona. Maka, menurut beliau, sesuatu bahasa mengalami **kehilangan atau penambahan fonologi** semasa dipinjam oleh bahasa lain.

Menurut Haugen (1950:215-216), bunyi bahasa natif digunakan untuk meniru bunyi bahasa asing. Peniruan bunyi asing dengan bunyi natif menyebabkan kedengaran **aksen asing** dalam tuturan penutur natif. Maka pengubahsuaian bunyi berlaku secara umum dalam bahasa penerima. Namun, semakin lama penutur natif mempelajari bahasa asing, maka mekanisme pengimportan bunyi fonetik asing ke dalam bahasa natif turut berubah ke mekanisme penggantian. Menurut Haugen:

*“First, that a bilingual speaker introduces a new loanword in a phonetic form as near that of the model language as he can. Secondly, that if he has occasion to repeat it, or if other speakers also take to using it, a further substitution of native elements will take place. Thirdly, that if a monolingual learn it, a total or practically total substitution will be made”.*

(Haugen, 1950:215-216)

Pendapat Poovannan (2003:6) berbeza dengan Haugen (1950:215-216). Beliau berpendapat bahawa Tolkaappiyar, iaitu pelapor tatabahasa Tamil abad pertama

masehi, menggariskan panduan bahawa semasa meminjam perkataan dari bahasa sumber, penutur bahasa Tamil perlu mengubahsuaikan perkataan tersebut mengikut fonologi bahasa Tamil. Manakala Pavananthiyar, seorang lagi ahli tatabahasa Tamil abad ke-9, pula menggarispanduankan fonem-fonem bahasa Sanskrit yang perlu digantikan dengan fonem-fonem bahasa Tamil bagi kata-kata pinjaman. Di sini disimpulkan bahawa walaupun kata asing dipinjam, janganlah pinjam fonem atau diselitkan sistem bunyi yang bertentangan dengan bahasa Tamil.

Menurut Ennasi (1976:227), para cendikiawan bahasa Tamil pada zaman dahulu menggunakan bahasa asing dalam bahasa Tamil tanpa mencemari ketulenan bahasa Tamil. Walaupun benda-benda baru dari negara lain diperkenalkan dan digunakan di India, mereka telah menamakan benda baru itu mengikut sistem fonologi dan morfologi bahasa Tamil. Misalnya cili adalah hasil tanaman yang dibawa masuk dari negara lain tetapi dinamakan '*milaga:i*' (*milagu* – *ka:i*) disebabkan rasanya seperti biji lada. '*Milaga:i*' bermaksud biji lada dalam bahasa Tamil.

Menurut Kothandaraman, Pon. (1983:77), bahasa Tamil harus menambahkan pembentukan leksis secara dalaman tanpa meminjam leksis asing walaupun para penutur bahasa semakin memerlukan leksis-leksis baru mengikut peredaran masa kini. Beliau menyarankan agar ahli-ahli linguistik harus membentuk leksis-leksis baru bagi memenuhi keperluan tersebut dan menerbitkan daftar istilah ataupun kamus yang mengandungi leksis-leksis baru supaya masyarakat penutur dapat menggunakannya.

McMahon (1994:206), menggunakan konsep adaptasi untuk menghuraikan bahawa kesan terhadap tatabahasa yang berlaku terhadap sesuatu bahasa adalah berbeza.

Apabila kata nama dari bahasa Inggeris dipinjam ke dalam bahasa German atau Norway, kata nama tersebut akan mengalami proses penerimaan unsur gender (unsur tatabahasa), iaitu ‘*masculine*’ atau ‘*feminine*’. Beliau berpendapat, “*English nouns must be assigned grammatical gender when they are borrow into German or Norwegian*”. Menurut McMahon perubahan sintaksis berlaku apabila satu kata dipinjam ke bahasa lain. Beliau memberikan contoh kata tunggal ‘*car*’ yang dipinjam oleh orang Norway sebagai ‘*kars*’ manakala ‘*karsar*’ menjadi kata jamak.

Dalam kajian Thomason, Sarah, G. (2001:86-90) mendapati kehilangan dan penambahan aspek tatabahasa juga sering berlaku akibat peminjaman kata dari bahasa lain. Beliau mendapati bahasa Baltik (bahasa orang Latvia) telah kehilangan unsur gender gramatikal akibat pengaruh bahasa Uralic (bahasa orang Livonia). Dalam satu lagi kajian Thomason mendapati penambahan tatabahasa juga berlaku, contohnya kata ganti nama bahasa Inggeris ‘*I*’ dan ‘*you*’ dipinjam dalam bahasa Thai dan dicampurkan dengan ganti nama yang sudah ada dalam bahasa Thai.

Menurut Weinreich (1967:56), peminjaman leksikal lebih kerap berlaku daripada peminjaman fonetik dan tatabahasa kerana struktur perbendaharaan kata sesuatu bahasa lebih longgar daripada struktur fonemik dan tatabahasa. Menurut Weinreich (1967:54), terdapat tiga kesan peminjaman kata terhadap struktur ‘*lexico-semantic*’. Iaitu:

#### **a. Kekeliruan penggunaan**

Dalam American Yiddish, sebilangan penutur berkeliru antara kata ‘*steln*’ (lurus ke atas) dengan ‘*lejgn*’ (mendatar). Weinreich menyatakan kekeliruan ini seperti berikut:



*“Some speakers confuse steln ‘to put (upright)’ and lejgn (horizontally or without regard to position)... In each of these cases of semantic confusion, one of the terms may eventually become fixed as an expression of the combined content, and other abandoned”.*

(Weinreich, 1967:54)

### **b. Kata lama atau kata asli disingkirkan**

Sebagai contohnya kata bahasa Inggris ‘*paper*’ dan ‘*newspaper*’ dipinjam ke dalam American Yiddish menjadi ‘*paper*’, kata asal American Yiddish ‘*blat*’ atau ‘*tsajtung*’ telah disingkirkan.

*“When English paper ‘newspaper’, for example, was transferred into America. Yiddish (pejper), the old word, blat or tsajtung was discarded”.*

(Weinreich, 1967:55)

### **c. Pengkhususan dalam bahasa lama**

Weinreich (1967:56), berpendapat bahwa:

*“Strictly speaking, the specialization in content, usually affects both the old word and the loan word if both survive”.*

Menurut Thomason, Sarah, G. (2001: 86-87), selain dari perubahan fonologi dan tatabahasa, perubahan dalam aspek leksiko-semantik juga turut berlaku akibat peminjaman kata dari bahasa lain. Leksis lama yang ketinggalan zaman turut diketepikan akibat daripada perubahan masa. Misalnya ‘*animal*’ merupakan kata pinjaman Latin yang telah menggantikan bahasa Inggris natif ‘*deer*’ untuk maksud yang lebih umum. ‘*Deer*’ telah mengalami penyempitan maksud, iaitu kepada maksud binatang yang tertentu.

Menurut McMahon (1994:207), kata pinjaman juga mengalami perubahan leksiko-semantic apabila kata tersebut diadaptasikan dan diterjemahkan dalam bahasa penerima. Contohnya, perkataan ‘*skycraper*’ telahpun dipinjam oleh beberapa bahasa lain dan mempunyai leksim yang berbeza dengan bahasa Inggeris, iaitu ‘*gratte-ciel*’ (bahasa Perancis), ‘*rascacielos*’ (bahasa Sepanyol), ‘*Wolkenkratzer*’ (bahasa Jerman), ‘*nebo skrjób*’ (bahasa Rusia) dan **pencakar langit** (bahasa Melayu).

Menurut Hans Henrich Hock (1986:423), walaupun peminjaman leksikal berlaku pada kadar besar-besaran, tetapi tidak semestinya mengubah ciri-ciri bahasa, sebaliknya proses pinjaman akan memperkayakan leksikon bahasa tertentu seperti yang berlaku pada bahasa Inggeis:

*“Lexical borrowing, even on a massive scale, is highly unlikely to lead to a change in the genetic affiliation of a given language. On the other hand, the adoption of borrowings may be conceived of as ‘enriching’ the lexicon of a given language, as for instance in the case of English”.*

(Hans Henrich Hock, 1986:423)

Menurut Balasubramaniam, P (1992), proses peminjaman telah memperkenalkan kata-kata baru dalam bahasa Tamil. Kata-kata pinjaman menambahkan fleksibiliti dalam komunikasi yang mana para penutur atau penulis mempunyai pilihan untuk menggunakan kata-kata dari bahasa ibundanya atau kata-kata pinjaman dari bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris. Idea-idea dan konsep yang asing atau yang datangnya dari barat dapat diungkapkan dengan mudah dan mudah difahami pendengar.

Menurut Ennasi (1976:226), banyak kata-kata Tamil dipindahkan ke dalam bahasa lain dan kata-kata bahasa lain juga dipindah ke dalam bahasa Tamil serta luas penggunaannya. Ini disebabkan perhubungan yang wujud dalam kalangan masyarakat dunia yang berlatarbelakangkan pelbagai bahasa. Ekoran daripada ini, walaupun pertembungan bahasa adalah sesuatu yang natural, namun sudah pastinya terdapat kesan positif dan negatif sudah tentu akan wujud daripadanya. Maka penutur bahasa harus sedar tentang keadaan ini. Peminjaman kata juga harus berlaku pada kadar yang berpatutuan. Ini akan membolehkan sesuatu bahasa berkembang. Kini ramai berpendapat peminjaman kata asing akan memperkayakan sesuatu bahasa (Ennasi, 1976:228). Menurut Karunakaran, K. (1975:128), peminjaman kata akan memperkayakan bahasa dan perlu digalakkan. Peminjaman kata adalah sesuatu perkara biasa pada bahasa Inggeris dan bahasa Perancis.

## **2.9 Kesimpulan**

Tinjauan kajian-kajian lepas membantu pengkaji untuk mendapatkan idea bagi menentukan hala tuju kajian ini. Pandangan dari pelbagai aspek telah dilihat dalam peminjaman kata atau pemindahan kata daripada kajian-kajian tersebut. Namun kajian terhadap pemindahan (peminjaman) lexis bahasa Inggeris ke bahasa Tamil dalam cerpen Tamil masih belum diberi perhatian langsung oleh para linguist di negara Malaysia. Setelah dibuat kajian perpustakaan, pengkaji dapat merangka metodologi kajian ini seperti yang dibincangkan dalam bab yang seterusnya.